

Gunakan nilai2 agama untuk perangi salahguna najis dadah – Mahathir

KUALA LUMPUR 14 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pakar - pakar dan pertubuhan anti dadah perlu mengenalpasti strategi yang berasaskan nilai - nilai agama dan peranan ibu bapa bagi memerangi penyalahgunaan najis dadah secara lebih berkesan.

Beliau menegaskan, pendekatan seumpama itu amat penting memandangkan nilai - nilai keagamaan dan moral yang kuat serta latar belakang keluarga yang kukuh akan menjamin generasi belia akan datang terhindar daripada kegiatan dadah.

“Anda semua harus mengenalpasti strategi bagaimanakah agama dan peranan ibu bapa dapat digunakan sebaik - baiknya untuk memerangi penyalahgunaan najis dadah di kalangan anak - anak muda,” katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan demikian dalam amanatnya sempena perasmian persidangan ke-10 Persekutuan Antarabangsa Pertubuhan - Pertubuhan Bukan Kerajaan (IFNGO) bagi Pencegahan Penyalahgunaan dan bahan dadah di Hotel Shangri - La di sini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin yang juga menyampaikan perutusan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, peranan agama dan ibu bapa serta peningkatan kemahiran pengurusan (IFNGO) wajar di-

beri perhatian sebagai strategi jangka panjang pembasmian kegiatan dadah.

“Masyarakat dan keluarga menjadi benteng terakhir bagi melindungi kelangsungan hidup kita sebagai umat manusia dan anggota sosial,” ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, sejajar dengan tema persidangan kali ini iaitu “*Daripada Ikrar Sedunia kepada Tindakan Masyarakat*” peranan dan tugas masyarakat dan ibu bapa perlu diperkukuhkan secara menghalakan semula dan mendidik semula mereka supaya mengikut kehendak - kehendak masyarakat yang kian berubah.

Katanya, tanggungjawab melaksanakan program - program pencegahan kegiatan anti dadah dalam masyarakat bukanlah monopoli mutlak sebarang Pertubuhan Bukan Kerajaan tertentu sahaja.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga percaya pendekatan secara penyertaan masyarakat khususnya ibu bapa dan golongan belia mampu mengatasi masalah penyalahgunaan najis dadah.

“Bagi menjamin kekesan tindakan masyarakat melawan kegiatan dadah, pendekatan secara penyertaan perlu dilaksanakan. Ia juga harus lebih mengutamakan manusia daripada mementingkan perkhidmatan sahaja, supaya lebih berkesan,” tambah beliau.

Beliau berkata, pendekatan secara penyertaan juga akan mendorong pemupukan daya kepimpinan setempat, kesedaran ma-

syarakat dan pewujudan semula kawalan sosial yang akan membendung penagihan najis dadah daripada merebak.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, dengan cara itu rangka - rangka yang dirumuskan akan lebih mudah kerana ia berasaskan keperluan, masalah dan sumber - sumber tempatan.

Beliau turut menggesa semua pihak bekerja rapat, termasuk dalam usaha - usaha memastikan pengedaran najis dadah dapat diatasi dengan lebih berkesan.

Seramai 437 orang perwakilan dan pemerhati dari 29 negara termasuk Amerika Syarikat, Australia, Sweden, Jerman Barat, Jepun, Switzerland, United Kingdom, Canada dan negara - negara ASEAN menghadiri persidangan lima hari itu.

Persidangan ketiga seluruh Pasifik bagi Majlis Antarabangsa Mengenai Alkohol dan Penagihan (ICAA) juga berlangsung semasa persidangan itu untuk mendedahkan para anggota IFNGO dan ICAA kepada kegiatan masing - masing.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah akan turut membentangkan kertas kerjanya mengenai anti najis dadah pada persidangan itu, Rabu ini.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid selaku pengerusi jawatankuasa penganjur, menggesa supaya tindakan keras dikenakan terhadap semua peringkat iaitu pengedar, pengguna dan penjual dadah.

Katanya, kegagalan mengenakan tekanan kuat secara tidak disedari ia menunjukkan kepura - pura dan mengizinkan amalan keji serta seolah - olah merelakan perbuatan seumpama itu.

Presiden IFNGO, Dr. James M.N. Chien dalam ucapannya pula berkata, kerjasama antarabangsa kian meningkat ekoran Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah (ICDAIT) di Vienna tahun lepas, yang Datuk Sri Dr. Mahathir menjadi pengerusinya.

“Kerjasama - kerjasama itu menghasilkan rampasan besar, penangkapan serta hukuman terhadap sesetengah pemimpin sindiket dadah antarabangsa.”